



**JUMAAT, 26 APRIL 2024
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PENDARATAN KECEMASAN PESAWAT RINGAN DI LAPANGAN
TERBANG SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, SUBANG, SELANGOR**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan sebuah pesawat ringan jenis Diamond DA-42 dengan nombor pendaftaran N566CB yang dikendalikan oleh Techstrait Ltd. telah melakukan pendaratan kecemasan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Selangor, pada 26 April 2024.

Pesawat tersebut berlepas pada pukul 8.26 pagi dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dan pihak Menara Kawalan Trafik Udara Subang telah menerima panggilan kecemasan sejurus selepas pesawat berlepas. Pesawat kemudiannya membuat pendaratan kecemasan pada pukul 8.28 pagi. Dua juruterbang di dalam pesawat dilaporkan selamat.

Landasan lapangan terbang berkenaan ditutup sementara dari operasi penerbangan sehingga pesawat tersebut dialihkan dari landasan.

Siasatan lanjut akan dilaksanakan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara di bawah Kementerian Pengangkutan mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia